

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

**BAB 82**

AKTA PASUKAN BOMBA

PENYUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

Pertubuhan, Tugas-tugas dan Kuasa-kuasa

3. Pertubuhan
4. Syarat-syarat perkhidmatan anggota-anggota Pasukan Bomba
5. Pentadbiran Pasukan Bomba oleh Pengawal
6. Perwakilan kuasa Pengawal

7. Tugas-tugas Pasukan Bomba
8. Kuasa-kuasa Pasukan Bomba pada waktu kebakaran

### BAHAGIAN III

#### Tatatertib

9. Kesalahan-kesalahan terhadap tatatertib amnya
10. Kesalahan-kesalahan terhadap tatatertib oleh pegawai-pegawai kanan
11. Kesalahan-kesalahan terhadap tatatertib oleh pegawai-pegawai pangkat rendah dan anggota yang tidak berpangkat
12. Hukuman potongan-potongan gaji
13. Penyingkiran waham

### BAHAGIAN IV

#### Rampaian

14. Perintah Pasukan Bomba
15. Kerosakan yang berlaku di tempat kebakaran
16. Perlindungan anggota-anggota Pasukan Bomba
17. Tugas khas dan pembayaran-pembayarannya
18. Kuasa membuat peraturan-peraturan
19. Kandungan-kandungan jadual
20. Kesalahan-kesalahan

JADUAL PERTAMA — Kesalahan-kesalahan terhadap Tatatertib

JADUAL KEDUA — Cara-cara Penyiasatan

JADUAL KETIGA — Hukuman-hukuman untuk Kesalahan-kesalahan terhadap Tatatertib

---

## AKTA PASUKAN BOMBA

Satu Akta untuk membuat peruntukan-peruntukan syarat-syarat mengenai pertubuhan, tugas-tugas dan kuasa-kuasa Pasukan Bomba dan mengenai tatatertib anggota-anggotanya dan bagi maksud-maksud yang berhubung dengan perkara-perkara yang tersebut tadi.

6 tahun  
1966

*Permulaan kuatkuasa : 4hb. Ogos, 1966*

## BAHAGIAN I

## Permulaan

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Pasukan Bomba. Gelaran Pendek
2. Di dalam Akta ini, kecuali maksudnya menghendaki makna yang lain — Tafsiran

“Pengawal” bermakna Pengawal Pasukan Bomba ;

“Perintah Am” bermakna Perintah Am Kerajaan ;

“Anggota” bermakna seorang sama ada ianya seorang pegawai kanan atau rendah, atau anggota yang tidak berpangkat dari Pasukan Bomba ;

“Anggota Yang Tidak Berpangkat” bermakna anggota-anggota dari Pasukan Bomba yang di bawah pangkat pegawai pangkat rendah ;

“Pegawai Kanan” bermakna anggota Pasukan Bomba yang berpangkat Pegawai Bahagian atau lebih dari pangkat itu ;

“Pegawai Pangkat Rendah” bermakna anggota Pasukan Bomba yang berpangkat Pegawai Balai dan Penolong Pegawai Balai.

## BAHAGIAN II

## Pertubuhan, Tugas-tugas dan Kuasa-kuasa

- 3.** Pasukan Bomba bagi Negeri ini akan mengandungi per-  
lengkapan anggota dan pegawai-pegawai kanan, pegawai-  
pegawai pangkat rendah dan anggota-anggota yang tidak  
berpangkat mengikut sebagaimana Kebawah Duli Yang  
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang  
Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat mungkin mengarahkan.
- 4.** Akta Pencen dan Peraturan-peraturan Pencen dan  
Perintah 'Am Negeri ini yang sedang berjalan kuatkuasanya,  
kecuali setakat mana yang tidak diperuntukkan di dalamnya  
atau di dalam sebarang peraturan-peraturan yang telah diper-  
buat di bawah Akta ini akan dikenakan kepada semua ang-  
gota.
- 5.** Tertakluk kepada perintah-perintah dan kawalan  
Menteri, Pengawal akan ditanggungkan dengan arahan-  
arahan utama dan pentadbiran Pasukan Bomba.
- 6.** Kewajipan-kewajipan Pengawal di bawah Akta ini dan di  
bawah sebarang peraturan yang telah diperbuat di bawahnya  
dan di bawah sebarang Akta lain boleh, tertakluk kepada  
hukuman-hukuman dari Pengawal, dilakukan oleh Timbalan  
Pengawal.
- 7.** Tugas-tugas Pasukan Bomba ialah untuk mengambil  
langkah-langkah yang disahkan oleh undang-undang bagi —
- (a) memadamkan api ;
  - (b) menjaga keselamatan nyawa dan harta-benda  
jika berlaku kebakaran ;
  - (c) menjalankan apa jua tugas-tugas yang lain yang  
dibebankan ke atas mereka.

Pertubuhan

Syarat-  
syarat  
per-  
khidmatan  
anggota  
Pasukan  
Bomba  
Panggal 38Pen-  
tadbiran  
Pasukan  
Bomba  
oleh  
PengawalPerwakilan  
kuasa  
PengawalTugas  
Pasukan  
Bomba

8. Pengawal atau pegawai lain yang menguasai Pasukan Bomba atau mana-mana satu pasukan darinya pada waktu kebakaran boleh —

Kuasa  
Pasukan  
Bomba  
pada waktu  
kebakaran

(a) mengambil apa-apa jua langkah yang mungkin ternyata kepadanya menjadi perlu atau manfaat kerana menjaga keselamatan nyawa dan harta-benda.

(b) menyingkirkan atau memerintahkan sesiapa jua anggota di bawah perintahnya untuk menyingkirkan sesiapa jua orang yang mengganggu gerakan Pasukan Bomba oleh kerana kehadiran atau kelakuannya dalam operasi Pasukan Bomba ;

(c) dengan sendirinya atau dengan anggota-anggota yang di bawah perintahnya memasuki, memecah masuk atau melalui dan mengambil milik atau merobohkan mana-mana bangunan bagi maksud memadamkan api ;

(d) menutup mana-mana jalan yang berhampiran dengan tempat kebakaran ;

(e) menggunakan mana-mana sahaja bekalan air yang mudah didapati.

### BAHAGIAN III

#### Tatatertib

9. Sesiapa jua anggota yang melakukan mana-mana satu kesalahan terhadap tatatertib yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama boleh dibuang kerja atau sebaliknya dihukum sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta ini dan di dalam peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya.

Kesalahan  
terhadap  
tatatertib  
'amnya

10. Bilamana dikatakan bahawa sesiapa jua pegawai kanan telah melakukan kesalahan terhadap tatatertib —

Kesalahan-  
kesalahan  
terhadap  
tatatertib  
oleh  
Pegawai-  
pegawai  
Kanan

(a) syarat-syarat Perintah 'Am yang berhubung dengan penahanan kerja akan dikenakan ;

(b) perkara itu akan disiasat dan tindakan yang sewajar diambil terhadap Pegawai Kanan itu sebagaimana yang diperuntukkan oleh peraturan-peraturan dan perintah tersebut kerana pengatahan kelakuan salah yang diperbuat terhadap seorang pegawai kerajaan.

Kesalahan-kesalahan terhadap tata tertib oleh Pegawai-pegawai Pangkat Rendah dan Anggota Yang Tidak Berpangkat

**11.** (1) Manakala dikatakan bahawa sesiapa jua Pegawai Pangkat Rendah atau Anggota Yang Tidak Berpangkat telah melakukan satu kesalahan terhadap tata tertib —

(a) pengawal boleh menahannya berkerja ;

(b) penyiasatan akan dilakukan terhadap pengatahan itu mengikut cara yang ditetapkan oleh tatacara yang terkandung di dalam Jadual Kedua dan apabila terbukti pengatahan itu sesuatu hukuman sebagaimana yang disebutkan di dalam Jadual Ketiga boleh diberi oleh pihak yang berkuasa yang berkenaan yang ditentukan di dalamnya.

(2) Mana-mana satu Pegawai Pangkat Rendah atau mana-mana satu Anggota Yang Tidak Berpangkat yang di tahan bekerja di bawah ceraihan (1) akan menerima separuh gaji melainkan Pengawal memerintahkan sebaliknya ; sekiranya pendakwaan terhadapnya itu diberhentikan ia akan berhak menerima baki jumlah gajinya yang penuh yang mana ia sepatutnya menerima jikalau ia tidak ditahan kerja.

Hukuman potongan-potongan gaji

**12.** (1) Hukuman potongan-potongan gaji yang berikut boleh dibuat daripada gaji-gaji yang akan diberi pada seseorang anggota —

(a) segala gaji bagi tiap-tiap hari tidak hadir sama ada kerana melarikan diri atau tanpa kebenaran ;

(b) jumlah yang dikehendaki untuk dibayar kerana kesalahan terhadap tata tertib.

(2) Bagi maksud-maksud ceraihan (1) —

(a) seseorang anggota tidak akan dianggap sebagai tidak hadir melainkan kelamaan tidak hadirnya ialah sehingga tiga jam atau lebih kecuali dengan tidak hadirnya itu telah menghalang penghantaran segera sesuatu pasukan, perkakas, kapal api atau kenderaan Pasukan Bomba bagi menjawab sesuatu panggilan kebakaran ;

(b) bilangan hari akan dihitung mulai dari masa tidak hadirnya bermula.

13. Bagi mengelakkan keraguan maka dengan ini adalah disyitiharkan bahawa —

Penyingkiran  
keraguan

(a) jika pendakwaan jenayah dijalankan terhadap seseorang anggota, ianya boleh ditahan berkerja dan selepas itu dibayar gaji seperti berikut —

(i) jika seorang pegawai kanan mengikut peruntukan-peruntukan Perintah Am ;

(ii) jika seorang pegawai pangkat rendah atau anggota yang tidak berpangkat, mengikut peruntukan-peruntukan Bab 11 ;

(b) jika seseorang anggota didapati salah melakukan kesalahan jenayah ia boleh dibuang kerja mengikut peruntukan-peruntukan Perintah 'Am ;

(c) tidak ada sebarang apa pun di dalam Bahagian ini akan dimaksudkan untuk menghindarkan pembuangan kerja dengan serta-merta mana-mana satu anggota menurut Perintah 'Am.



## BAHAGIAN IV

## Rampaian

Perintah  
Pasukan  
Bomba

**14.** (1) Pengawal boleh membuat perintah-perintah yang digelar “Perintah-perintah Umum Pasukan Bomba” yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan —

(a) Akta ini dan sebarang peraturan yang telah diperbuat di bawahnya ;

(b) Peraturan dan Perintah 'Am, sebagaimana yang telah diubah oleh Akta ini dan oleh peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya.

(2) Perintah-perintah yang sedemikian itu boleh menetapkan atau mengadakan peruntukan-peruntukan bagi —

(a) pengawalan, pengarahan dan pemberitahuan Pasukan Bomba ;

(b) tatatertib ;

(c) latihan ;

(d) pembahagian dan kenaikan pangkat ;

(e) pemeriksaan kawat-kawat, perlatihan dan perbarisan ;

(f) kebajikan ;

(g) kewangan jabatan ;

(h) bangunan-bangunan tanah-tanah lapang, storstor, perabot dan kelengkapan ;

(i) perkhidmatan-perkhidmatan yang akan dilakukan oleh anggota ;

(j) cara dan bentuk membuat laporan-laporan, surat-surat dan pencatatan-pencatatan lain ;

(k) melakukan sebarang tindakan yang mungkin menjadi perlu bagi menjalankan dengan betulnya peruntukan-peruntukan Akta ini atau sebarang peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya atau sebarang Akta lain atau bagi melaksanakan sebarang tugas yang dikenakan oleh undang-undang ke atas Pasukan Bomba ;

(l) perkara-perkara lain yang sedemikian yang mungkin menjadi perlu atau manfaat bagi mencegah salah menggunakan atau kecuaiian terhadap tugas, bagi menjadikan Pasukan Bomba cekap dalam melaksanakan tugas-tugasnya dan bagi menjalankan tujuan-tujuan Akta ini.

**15.** Sebarang kerosakan yang dilakukan oleh Pasukan Bomba dalam melaksanakan tugas-tugasnya pada masa kebakaran akan dianggap sebagai kerosakan oleh api dalam kandungan makna sebarang policy insurans terhadap kebakaran.

Kerosakan yang berlaku di tempat kebakaran

**16.** Seseorang anggota yang menjalankan kewajibannya *dengan jujur* di bawah kuasa yang diberi oleh Akta ini tidak akan dikenakan sebarang pendakwaan kerana kerosakan ; kerana sebarang tindakan yang dilakukan atau tidak dilakukan olehnya berhubung dengan kewajibannya pada masa kebakaran.

Perlindungan anggota Pasukan Bomba

**17.** (1) Atas permohonan seseorang, Pengawal boleh, jika difikirkan olehnya patut, mengarahkan mana-mana satu anggota menjalankan tugas khas di dalam, di atas atau dekat mana-mana bangunan atau perniagaan atau vesel yang dinyatakan oleh pemohon itu.

Tugas khas dan pembayarannya

(2) Pemohon hendaklah membayar kepada Pengawal kerana khidmat-khidmat mana-mana satu anggota yang diarahkan demikian itu apa jua bayaran yang ditetapkan oleh Pengawal.

(3) Semua bayaran yang diterima oleh Pengawal hendaklah dibayarkan olehnya ke dalam Pejabat Perbendaharaan dengan serta-merta untuk dimasukkan di dalam kira-kira untuk menjadi hasil. Jumlah yang belum dibayar hendaklah dituntut oleh Pengawal dengan tindakan di dalam Mahkamah yang bersesuaian serupa seperti lain hutang kerajaan.

Kuasa  
membuat  
peraturan

**18.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh dengan membuat peraturan memberi atau mengadakan peruntukan-peruntukan bagi —

(a) tata tertib dan hukuman mengenai anggota-anggota ;

(b) butir-butir pakaian-pakaian seragam dan kelengkapan yang akan diberi ;

(c) perkara-perkara lain yang berkenaan yang mungkin menjadi perlu atau manfaat untuk menjadikan Pasukan Bomba cekap dalam menjalankan kewajibannya ;

(d) pada umumnya, menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini berhubung dengan sebarang perkara, sama ada serupa atau tidak dengan apa yang telah disebutkan dalam Bab ini, mengenai yang mana mungkin elok membuat peraturan.

Kandungan-  
kandungan  
Jadual

**19.** Peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga boleh dipinda, dibatalkan atau digantikan dengan peraturan yang diperbuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

20. (1) Sesiapa yang menentang atau menghalangi mana-mana satu anggota yang sedang menjalankan tugas-tugasnya adalah bersalah ; Hukuman, didenda \$1,200 dan dipenjarakan selama enam bulan ;

Kesalahan

(2) Mana-mana satu anggota yang —

(a) melarikan diri ;

(b) pada masa kebakaran dengan sengaja enggan menurut perintah yang sah dari seorang anggota terhadap siapa adalah menjadi kewajipannya menurut ; adalah bersalah ; Hukuman, didenda \$1,800 dan penjara selama enam bulan ;

(3) Sesiapa orang yang bukan seorang anggota, memakai, tanpa kebenaran dari Pengawal, pakaian seragam Pasukan Bomba, atau sebarang pakaian lain yang mempunyai rupa atau mempunyai sebarang tanda-tanda yang nyata mengenai pakaian seragam itu, adalah bersalah ; Hukuman, didenda \$3,000.

### JADUAL PERTAMA

(Bab 9)

#### KESALAHAN-KESALAHAN TERHADAP TATATERTIB

Seseorang anggota adalah melakukan kesalahan terhadap tatatertib yang —

(1) bersalah kerana takut dalam menjalankan tugasnya ;

(2) tanpa sebab yang baik dan memadai gagal menjalankan sebarang perintah yang sah, sama ada perintah itu secara bertulis atau dengan mulut ;

(3) melawan seseorang anggota, perintah siapa adalah menjadi kewajipannya untuk mematuhi ;

(4) (a) lalai atau tanpa sebab yang baik dan memadai gagal melakukan, dengan tangkas dan rajin, sebarang apa yang adalah menjadi kewajipannya melakukan ;

(b) oleh kerana kecuaiian atau kelalaian dalam menjalankan tugasnya menyebabkan kejadian sebarang kerugian, kerosakan atau kecederaan kepada mana-mana orang atau harta-benda ;

(5) dengan sengaja membuat sebarang kenyataan palsu mengelirukan, atau tidak tepat yang berkaitan dengan tugasnya sama ada kenyataan itu dibuat dengan mulut atau secara bertulis ;

(6) dengan maksud menipu memusnahkan sebarang catatan rasmi (official record), dokumen atau buku atau mengubah atau memadamkan sebarang catatan di dalamnya ;

(7) tanpa kebenaran yang betul —

(a) menceritakan sebarang perkara yang mana adalah menjadi kewajipannya untuk merahsiakan ;

(b) secara langsung atau tidak langsung memaklumkan kepada akhbar atau kepada mana-mana orang lain akan sebarang perkara yang mungkin sampai ke pengetahuannya semasa menjalankan tugas rasminya ;

(c) menyiarkan sebarang perkara atau membuat sebarang kenyataan umum berkaitan dengan Pasukan Bomba ;

(8) (a) meminta atau menerima sebarang bayaran, baksis atau pemberian lain yang tidak dibenarkan berhubung dengan tugas-tugasnya sebagai anggota ;

(b) gagal membuat kira-kira, atau membuat penyata dengan segera dan betul mengenai sebarang wang atau harta-benda terhadap mana ianya bertanggungjawab, sama ada berhubung dengan sebarang wang tabungan (fund) yang berkaitan dengan Pasukan Bomba atau kakitangan Pasukan Bomba ;

(c) salah menggunakan jawatannya sebagai seorang anggota ;

(9) tanpa kebenaran yang betul atau sebab yang berpatutan —

(a) tidak menghadirkan dirinya bekerja atau di sebarang tempat perbarisan ;

- (b) lambat tiba untuk sebarang tugas atau perbarisan ;
- (10) (a) dengan sengaja atau kelalaian merosakkan atau menghilangkan sebarang benda pakaian atau perlengkapan, atau sebarang peralatan, perkakas atau apa jua amanat yang telah diberikan atau diamanatkan atau gagal menjaga dengan betul terhadapnya ;
- (b) lalai melaporkan sebarang kerosakan terhadap atau kehilangan mengenai sebarang benda pakaian atau perlengkapan, atau sebarang peralatan, perkakas atau apa jua amanat yang ianya telah diberi atau diamanatkan ;
- (11) semasa bekerja, atau dipanggil untuk bekerja, tetapi tidak layak untuk bekerja disebabkan oleh meminum minuman yang memabukkan ;
- (12) semasa atau selepas kerja berkelakuan tidak senonoh atau dengan sebarang cara yang berlawanan dengan tata tertib, atau mungkin akan membawa keburukan kepada nama Pasukan Bomba atau perkhidmatan awam ;
- (13) melakukan sebarang kesalahan, sama ada dengan sebab melanggar peruntukan-peruntukan Perintah 'Am atau yang sedemikian itu yang dianggap sebagai berkelakuan salah pada seseorang pegawai kerajaan.

## JADUAL KEDUA

(Bab 11)

### CARA-CARA PENYIASATAN

Kecuali dan setakat mana adalah berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Perintah 'Am berhubung dengan Peraturan Tata tertib, aturan-aturan mengenai cara-cara penyiasatan tentang kesalahan-kesalahan terhadap tata tertib oleh Pegawai-pegawai Pangkat Rendah dan Anggota Yang Tidak Berpangkat adalah seperti berikut —

- (1) Tiap-tiap tuduhan hendaklah dicatatkan ke dalam kertas tuduhan (charge sheet).
- (2) Tiap-tiap tuduhan hendaklah dicatatkan oleh Pengawal pada mula-mulanya dengan tidak berlengah lagi berhadapan dengan yang dituduh dan catatan penuh terhadapnya diperbuat oleh Pengawal.

(3) Tuduhan itu hendaklah dibaca dan diterangkan kepada yang dituduh.

(4) Keterangan-keterangan (evidence) hendaklah diambil dengan tidak bersumpah.

(5) Yang dituduh hendaklah diberi hak kebebasan penuh untuk menyoal secara teliti sesiapa jua saksi yang menuduhnya dan untuk memanggil mana-mana saksi dan membuat apa-apa jua kenyataan untuk mempertahankan dirinya.

(6) Keterangan bersurat (documentary evidence) tidak boleh digunakan terhadap yang dituduh melainkan ia telah terlebih dahulu dibekalkan dengan salinannya atau telah dibenarkan melihatnya.

(7) Pengawal boleh pada peringkat mana pun dari perbicaraan itu meminda tuduhan atau menambah dengan tuduhan yang baru :

Dengan syarat jika berlaku yang sedemikian itu tuduhan yang telah dipinda atau yang baru itu hendaklah dibaca dan diterangkan kepada yang dituduh siapa yang akan berhak memanggil balik mana-mana satu saksi yang sudah memberi keterangan untuk pemeriksaan balas selanjutnya dan untuk memanggil saksi-saksi yang lain yang mungkin dikehendakinya.

(8) Pada penutup pembicaraan sesuatu tuduhan, Pengawal hendaklah —

(a) jika pada pendapatnya keterangan-keterangan tidak menunjukkan yang kesalahan-kesalahan terhadap tata tertib telah dilakukan, membuang tuduhan itu ;

(b) jika pada pendapatnya keterangan menunjukkan yang kesalahan terhadap tata tertib telah dilakukan sama ada —

(i) menjatuhkan hukuman yang di dalam kuasanya ; atau

(ii) merujuk perkara itu kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

(9) (1) Bila mana Pengawal merujuk perkara kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di bawah perenggan (b) dari aturan 8 ia hendaklah menghantarkan —

(a) satu salinan mengenai perbicaraan yang ditaip (termasuk tuduhannya) yang telah disahkan oleh dirinya sendiri sebagai salinan yang benar dari salinan asalnya ;

(b) satu laporan yang menyatakan —

(i) sebab-sebabnya kerana berpendapat yang tuduhan itu telah dibuktikan ;

(ii) sokongan-sokongannya mengenai hukuman ;

(c) surat penyata kelakuan (conduct sheet) yang dituduh itu.

(2) Bila-bila masa jua Pengawal merujuk sesuatu perkara, ia hendaklah memberi tahu yang dituduh bahawa ia boleh dalam masa empat belas hari menghantar sebarang perutusan selanjutnya yang mungkin ia ingin membuat secara bertulis kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

(10) Tiap-tiap hukuman yang telah dijatuhkan hendaklah dicatatkan di dalam surat penyata kelakuan anggota yang dihukum itu.

### **JADUAL KETIGA**

(Bab 11)

## **HUKUMAN-HUKUMAN UNTUK KESALAHAN-KESALAHAN TERHADAP TATATERTIB**

### **BAHAGIAN I**

#### **Pegawai-Pegawai Pangkat Rendah**

Tertakluk kepada Perintah 'Am Pegawai-Pegawai Pangkat Rendah yang telah didapati salah melakukan kesalahan terhadap tatatertib boleh dijatuhkan hukuman seperti berikut —

(1) Oleh Pihak Berkuasa Tentang Tatatertib —

(a) Mana-mana satu dari yang berikut —

(i) buang kerja ;

(ii) turun pangkat ;

(iii) tahan kenaikan gaji ;



- (iv) denda ;
- (v) kawat tambahan ;
- (vi) amaran keras ;
- (vii) amaran ;

(b) sebagai tambahan kepada sebarang apa yang di atas, bayaran secara gantirugi kerana sebarang kehilangan terhadap atau kerosakan kepada sebarang benda pakaian atau perlengkapan, atau sebarang peralatan, perkakas atau apa jua amanat yang ia telah diberi atau diamanatkan, atau terhadap sebarang harta-benda Kerajaan ;

(2) Dengan tidak memudaratkan cerai (1) di atas, Pengawal boleh menjatuhkan mana-mana satu dari hukuman-hukuman yang berikut —

- (a) denda sebanyak \$300 ;
- (b) kawat tambahan ;
- (c) amaran keras ;
- (d) amaran ;

## BAHAGIAN II

### Anggota Yang Tidak Berpangkat

Anggota Yang Tidak Berpangkat yang telah didapati salah melakukan kesalahan terhadap tata tertib boleh dijatuhkan hukuman oleh Pengawal seperti berikut —

- (1) Mana satu dari yang berikut —
  - (a) tahan kenaikan gaji ;
  - (b) denda sebanyak \$300 ;
  - (c) kawat tambahan ;
  - (d) amaran keras ;
  - (e) amaran.

(2) Sebagai tambahan kepada sebarang apa yang di atas, bayaran secara gantirugi kerana sebarang kehilangan terhadap atau kerosakan kepada sebarang benda pakaian atau perlengkapan atau sebarang peralatan, perkakas atau apa jua amanat yang telah diberi atau diamanatkan, atau terhadap sebarang harta-benda Kerajaan.